

18 AUG 1998

SUN-PUJI MALAYSIA/I

SUN MICRO SYSTEMS PUJI USAHA MALAYSIA TINGKATKAN IT UTK PULIHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Ketua pegawai operasi Sun Micro Systems Inc, Edward J Zander memuji Malaysia kerana terus mengembangkan teknologi maklumat (IT) sebagai salah satu langkah untuk memulihkan ekonomi.

"Satu daripada cara terbaik memulihkan ekonomi ialah melabur dalam prasarana IT serta perkhidmatan telekomunikasi dan kewangan.

"Kita melihat ini berlaku di Amerika Latin dan Eropah Timur," katanya selepas satu pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Zander berkata beliau berbincang dengan Dr Mahathir mengenai komitmen jangka panjang Sun Micro Systems di Malaysia seperti dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan dalam segi kerjasama dengan rakyat Malaysia untuk memupuk pemikiran baru mengenai pengkomputeran rangkaian berasaskan aplikasi Java.

Katanya beliau juga membincangkan tentang bagaimana syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat itu boleh mewujudkan peluang-peluang perniagaan baru di Malaysia dan bagaimana, melalui perisian Java, ia boleh membantu Malaysia bertukar daripada pengimport produk dan perkhidmatan IT kepada pengeksport produk sedemikian.

Mengenai krisis ekonomi di rantau ini, Zander berkata kelembapan ekonomi sudah pasti menjejaskan semua syarikat dalam jangka terdekat ini tetapi segala peluang akan terlepas jika kita hanya melihat dari segi jangka pendek.

Katanya, walaupun syarikat itu bimbang dengan keadaan ekonomi Malaysia, namun ia tahu bahawa "segalanya akan berubah."

"Kami mahu bertapak di sini, Kami mahu merebut peluang bagi beberapa tahun akan datang," kata Zander sambil menambah bahawa masa depan terletak pada modal berasaskan pengetahuan dan maklumat.

Sementara itu, pengarah urusan eksekutif bagi Asia Selatan Sun Micro Systems, Lionel Lim, berkata dalam 12 bulan yang lalu Malaysia telah turun ke tempat ketiga dari tempat kedua sebagai penyumbang pendapatan syarikat itu di Asia Selatan yang meliputi Asean, India, Sri Lanka dan Bangladesh.

Menyentuh tentang pusat kecemerlangan Java yang sedang dimajukan oleh syarikat itu dengan Mimos Bhd dalam kawasan MSC, beliau berkata Sun Micro Systems akan melabur sebanyak RM4 juta.

"Kakitangan telah dilatih dan sistem telah diperkemaskan bagi menjalankan pusat tersebut," kata Lim.

Beliau juga menyebut bahawa syarikat itu akan menderma perisian Java bernilai RM25 juta kepada universiti tempatan yang mengeluarkan ijazah dalam satu upacara yang akan diadakan di sini, malam ini. -- BERNAMA

AD KY OS